

09/07/2003

PM arah segerakan pembukaan pintu sempadan

KUALA NERANG: Perdana Menteri mahu pembukaan pintu sempadan Malaysia-Thailand kedua di Kedah di Durian Burung, dekat sini, dipercepatkan bagi membolehkan kerajaan melaksanakan pembangunan di kawasan timur Kedah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemudahan utama di situ seperti pembinaan Kompleks Pemeriksaan Kastam dan Imigresen serta jalan raya menghubungkan Durian Burung-Baling dan ke selatan Semenanjung perlu didahulukan.

Katanya Malaysia masih ketinggalan dari segi penyediaan kemudahan jalan raya di situ berbanding Thailand yang sudah menyiapkan laluan dari Songkhla ke sempadan Malaysia-Thailand di Durian Burung.

Beliau mencadangkan supaya diwujudkan dulu kemudahan infrastruktur manakala pembangunan bandar dilaksanakan secara sederhana sebagai permulaan.

"Saya cadangkan supaya kita tidak buat bangunan yang indah saja di sini pada mulanya secara kekal, tetapi kita adakan kemudahan kerajaan secara sederhana.

"Bandar pun buat sederhana dulu, bila dah maju baru boleh buat kekal, belanja pun kurang sikit," katanya selepas melawat tapak projek Kota Putra di Durian Burung, dekat sini, semalam.

Beliau berkata pembukaan pintu sempadan itu serta jalinan jalan raya menghubungkan Kota Putra di Durian Burung ke selatan akan berupaya membangunkan kawasan dalaman Kedah.

Katanya kerajaan merancang untuk membangunkan kawasan timur Kedah kerana sehingga ini pembangunan hanya terhad di bahagian barat.

Beliau berkata pembangunan yang dirancang di kawasan itu ialah pertanian bersepadu membabitkan pelbagai jenis tanaman, buah-buahan dan industri kecil mengetin buah-buahan.

"Kita dapati kawasan ini banyak buluh dan boleh digunakan untuk bermacam barang termasuk kayu penyepit dan kita akan bekerja sama dengan Jepun barangkali," katanya.

Perdana Menteri berkata industri berasaskan buluh itu akan dijadikan produk Satu Kampung Satu Industri bagi kawasan berkenaan.

Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira 90 minit di situ termasuk mendengar taklimat mengenai projek daripada Pengarah Eksekutif Northern Intergrated Agriculture Sdn Bhd (NIA), Ismail Khan Lall Khan dan Pengurus Besar NIA, Zamani Kassim. NIA adalah pemaju Kota Putra.

Beliau juga mendengar taklimat mengenai stok buluh di hutan simpan di Kedah daripada Pengarah Jabatan Perhutanan Kedah, Che Hashim Hassan.

NIA ialah syarikat gabungan Gerak Masyur Sdn Bhd dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).

Dr Mahathir berkata selain mewujudkan industri bersepadu, kilang Gula Padang Terap juga boleh dijadikan pusat industri kecil untuk mengetin buah-buahan.

Ditanya sama ada beliau menetapkan tempoh tertentu supaya projek itu disiapkan, Perdana Menteri berkata: "Secepat mungkin, secepat mungkin."